

Mendepani Kenaikan Kos Sara Hidup

TAHUN 2016 disambut dengan penuh debar dan membimbangkan ekoran ramalan dan andaian bahawa kita akan berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi, pengangguran dan harga barang akan melonjak tinggi. Pada awal tahun ini, rata-rata pengguna mengeluh lantaran harga barangan persekolahan anak meningkat. Pada 1 April 2015, pengguna berdepan dengan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (CBP) dan pada penghujung 2015 pula, kerajaan

mengumumkan kenaikan tol serta tambang pengangkutan awam, seperti teksi, komuter, monorel, transit aliran ringan (LRT) dan rangkaian kereta api ekspres (ERL). Lantaran itu, perbelanjaan rakyat Malaysia semakin bertambah. Bagi golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah, senario ini sudah pasti menimbulkan kerisauan.

Tambahan pula, wujud segelintir peniaga umpama "lintah darat" yang gemar memasang lukah di pergentingan. Sementara itu, ada pula





YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) tentang kenaikan kos sara hidup yang membelenggu masyarakat.

yang memberikan jaminan bahawa kenaikan harga ini adalah minimum dan tidak membebankan rakyat. Tidak kurang pula yang mengatakan bahawa kenaikan harga ini tidak dapat dielakkan dan rakyat disarankan supaya berjimat cermat. Pada hakikatnya, dalam situasi ekonomi yang tidak menentu ini, pengguna mesti tahu untuk menggunakan hak mereka.

Sidang editor *Dewan Ekonomi* mendapatkan pandangan YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) tentang kenaikan kos sara hidup yang membelenggu masyarakat.

Apakah tindakan jangka pendek kerajaan bagi mendeponasi isu kenaikan kos sara hidup?

Secara umumnya, kos sara hidup merangkumi pelbagai sektor dan lazimnya KPDNKK menjadi sasaran masyarakat. Dalam isu kos sara hidup ini, KPDNKK telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengengkang kenaikan harga barang. Selain mengawal harga barang pada musim perayaan, dan mewujudkan "Kedai Harga Patut", saya juga mengemukakan cadangan semasa mesyuarat kabinet supaya Kementerian lain yang berkaitan dengan isu ini turut sama-sama berperanan menangani kemelut yang berlaku kini. Misalnya isu julat harga ikan daripada nelayan dengan harga ikan di pasaran amat besar. Oleh sebab itu, saya berbincang dengan Kementerian Pertanian dan

Industri Asas Tani supaya mencari kaedah untuk mengatasi permasalahan ini.

Lanjutan daripada perbincangan tersebut, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membuka "MyFarm Outlet" di Putrajaya dan akan diperluas di seluruh negara. Hal ini menunjukkan kerajaan sentiasa prihatin untuk memantau harga barang supaya masyarakat berpeluang mendapatkan bekalan bahan mentah pada harga yang berpatutan dan berkualiti tinggi.

Isu kos sara hidup ini juga melibatkan sektor lain dan kerajaan sentiasa memastikan harga yang dikenakan kepada pengguna adalah berpatutan. Misalnya harga tambang pengangkutan awam, seperti komuter dan ERL, adalah berpatutan dan rata-rata pengguna berpuas hati kerana memudahkan mereka menuju sesuatu destinasi. Begitu juga dengan harga ubat-ubatan yang tidak dikenakan CBP. Jadi kita perlu faham bahawa isu kos sara hidup ini berganding rapat dengan gaya hidup pengguna.

Oleh sebab itu, di samping kerajaan melaksanakan beberapa langkah untuk menangani kos sara hidup, rakyat juga perlu mengambil kira aspek gaya hidup mereka supaya lebih seimbang, yakni peniaga memperoleh keuntungan, manakala pengguna pula mendapat sesuatu barangan dengan harga yang berpatutan. Oleh itu, matlamat kerajaan bukan sekadar menangani kos sara hidup, malah untuk memastikan rakyat hidup dengan sejahtera seperti tema Belanjawan 2016 "Menyejahterakan Kehidupan Rakyat".

Pandangan YB Dato' Seri berhubung dengan rungutan orang ramai bahawa kerajaan tidak berbuat apa-apa bagi menangani kemelut kenaikan harga barang?

Andaian ini sekadar persepsi semata-mata dan kita perlu faham bahawa di negara yang mengamalkan ekonomi pasaran bebas, harga ditentukan oleh penawaran dan permintaan. Oleh itu, setiap langkah yang diambil oleh kerajaan mestilah tertakluk pada konsep ekonomi tersebut. Namun begitu, ada kalanya kerajaan juga campur tangan untuk mengawal harga barang, terutama pada musim perayaan, supaya pengguna tidak dibebani dengan harga yang melampaui batas. Jadi andaian bahawa kerajaan berpeluk tubuh untuk menangani kemelut ini adalah tidak adil. Sebaliknya pengguna pula, mereka mempunyai kuasa bagi menentukan harga sesuatu barang.

Oleh sebab itu, kami mengalu-alukan pengguna agar berdaftar dengan KPDNKK sebagai "rakan

KPDNKK" supaya mereka dapat menjadi "mata dan telinga" KPDNKK. Alhamdulillah, dalam tempoh tiga bulan ini, pengguna yang telah mendaftar menjangkau 307 539 orang dan saya yakin sasaran 500 ribu orang akan dapat dicapai. Kemudian rakan KPDNKK inilah yang akan menentukan kedai yang layak diklasifikasikan sebagai "Kedai Harga Patut". Selain itu, KPDNKK juga mempunyai "Skuad Pengguna" sendiri dan Pembantu Hal Ehwal Pengguna di setiap Parlimen. Oleh itu, pengguna tidak boleh menyalahkan kerajaan semata-mata. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan 2300 penguat kuasa KPDNKK di seluruh negara, keupayaan kami juga agak terhad.

Rakyat dibebani dengan kenaikan harga barang dan pelaksanaan CBP menambah bebanan tersebut. Sebagai kerajaan yang prihatin dan mengutamakan kesejahteraan rakyat, bagaimanakah subsidi dilihat signifikan untuk mengengkang fenomena tersebut, bukan sebaliknya.

Pada hakikatnya, konsep subsidi yang telah lama diamalkan oleh negara sepatutnya untuk jangka masa pendek dan bukan untuk selamanya kerana subsidi akan mengundang ketirisan serta merugikan negara dan secara tidak langsung merugikan rakyat juga. Tambahan pula, terdapat segelintir "penyangak" yang menyalahgunakan subsidi. Contohnya, penyalahgunaan gas petroleum cecair (LPG) yang berkapasiti 14 kilogram yang sepatutnya untuk kegunaan keperluan rumah dan bukannya untuk industri. Malah wujud sindiket yang membeli LPG yang berkapasiti 14 kilogram dalam kuantiti yang banyak lalu memindahkannya ke dalam tong gas untuk kegunaan industri (tong gas 50 kilogram) bagi mendapat keuntungan yang berganda secara mudah. Senario ini akan merugikan negara dan rakyat.

Oleh sebab itu, kerajaan mencari kaedah untuk mengurangkan subsidi dan memastikan subsidi hanya untuk golongan yang memerlukan sahaja. Pada hari ini, subsidi bukan sahaja dinikmati oleh orang kaya, malah warganegara asing pun turut mendapat kemudahan yang sama. Jadi kerajaan akan lebih memfokuskan golongan yang betul-betul memerlukan bantuan subsidi supaya tidak berlaku ketirisan lagi. Antara golongan yang akan diberi perhatian termasuklah penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), e-Kasih, dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Demikian juga dengan subsidi tepung. Dakwaan bahawa kerajaan menarik semula subsidi tepung adalah tidak benar. Sebenarnya subsidi

tepung yang ditarik balik adalah yang berkapasiti 25 kilogram yang lazimnya digunakan oleh industri. Sementara itu, harga tepung di dalam pek satu kilogram masih mendapat subsidi seperti biasa. Andaian harga roti canai akan meningkat adalah tidak wajar kerana pemansuhan subsidi hanya melibatkan kenaikan antara dua sen hingga tiga sen untuk sekeping roti canai. Jika kenaikan masih berlaku, sila laporkan hal tersebut kepada KPDNKK dan kami akan mengambil tindakan yang sewajarnya kepada peniaga yang ingkar.

Apakah pandangan YB Dato' Seri tentang dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan kerajaan lemah dalam penguatkuasaan undang-undang terhadap peniaga yang ingkar.

Pada 28 Januari 2016, YAB Perdana Menteri semasa Pembentangan Ubah Sui Belanjawan 2016 menyarankan supaya KPDNKK lebih giat menjalankan penguatkuasaan undang-undang. Oleh hal yang demikian, sehingga Mac 2016, jumlah rampasan kegiatan penyelewengan LPG sahaja mencecah RM10 juta. Pada tahun 2015, sebanyak 3.5 juta pemeriksaan dilakukan oleh KPDNKK di seluruh negara. Pemeriksaan ini merangkumi "Ops Catut", tidak meletakkan tanda harga, barangan tiruan, peraduan gores dan menang, dan sebagainya.

Sementara itu, hingga 23 Februari 2016, hampir dua juta pemeriksaan dilakukan melalui "Ops Catut". Sebanyak 8372 kes dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM1.983 juta dan nilai kompaun sebanyak RM1.21 juta. Hal ini menunjukkan KPDNKK serius untuk menangani kegiatan penipuan dan penyelewengan meskipun rakyat beranggapan sebaliknya. Kejayaan ini sedikit banyak dibantu oleh aduan orang ramai. Oleh itu, selepas ini kami akan mencari kaedah terbaik untuk menghebahkan kepada rakyat tentang kejayaan KPDNKK dalam penguatkuasaan undang-undang.

Sebelum pelaksanaan CBP, kerajaan mengunjurkan harga barangan akan turun. Namun demikian, sebaliknya yang berlaku kini.

Biarpun rakyat menyalahkan kerajaan lantaran pelaksanaan CBP, pada hakikatnya CBP merupakan satu konsep cukai yang paling baik yang diamalkan di banyak negara di seluruh dunia. Menurut banyak pakar ekonomi, harga barangan akan stabil dalam

Pada hari ini, subsidi bukan sahaja dinikmati oleh orang kaya, malah warganegara asing pun turut mendapat kemudahan yang sama.





Sepanjang tahun 2015, 3.5 juta pemeriksaan dilakukan oleh KPDNKK termasuk "Ops Catur".

enam bulan atau setahun setelah CBP dilaksanakan. Malahan ada negara yang mengambil masa hampir tiga tahun barulah harga barang menjadi stabil.

Sebenarnya aduan yang berkaitan dengan CBP semakin kurang berbanding dengan pada awal pelaksanaannya. Hal ini mungkin manipulasi pihak tertentu yang sengaja hendak menyalahkan kerajaan. Pada masa yang sama, kerajaan sentiasa memastikan tidak ada peniaga yang mengambil peluang untuk menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya. Oleh sebab itu, kami wujudkan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Selain aduan tentang CBP yang semakin berkurangan dan disusuli dengan harga yang mulai stabil, pada masa yang sama CBP dilihat dapat membantu meningkatkan pendapatan negara.

Sepatutnya kita bersyukur kerana CBP ini dapat membantu negara, terutama ketika berdepan dengan kelembapan ekonomi dunia.

Sejujurnya, kualiti barangan keluaran tempatan sudah setanding dengan kualiti barangan import.

Wujud pandangan supaya orang ramai melakukan dua pekerjaan bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Sejauh manakah saranan ini relevan dengan senario pada masa ini yang memperlihatkan masih ramai yang menganggur kerana sukar mendapat pekerjaan?

Sejujurnya, apa-apa yang dilakukan janganlah sampai merosakkan kehidupan kita. Ada kalanya hal ini boleh menjejaskan kesihatan,

hubungan kekeluargaan dan masalah sosial. Oleh sebab itu, berapa banyak kerja yang hendak dilakukan mestilah berpatutan supaya sistem nilai kehidupan kita tidak terjejas. Walaupun segala-galanya memerlukan wang, tetapi kita mesti ingat, wang bukanlah segala-galanya.

Pandangan YB Dato' Seri berhubung Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan kesannya terhadap harga barangan?

TPPA merupakan peluang perniagaan kepada peniaga tempatan. Sebelum ini, agak sukar barangan tempatan untuk menembusi pasaran di negara tertentu seperti Chile, Peru dan Kanada. Oleh itu, menerusi TPPA, kita dapat memasarkan barangan keluaran tempatan ke negara yang menandatangani TPPA. Pada masa yang sama, kita mesti bersedia menerima produk daripada negara dalam kalangan TPPA. Di sinilah pentingnya semangat patriotik untuk mendaulatkan barangan atau produk tempatan.

Apabila berlakunya persaingan sesuatu barangan, maka harganya sentiasa berada pada paras yang berpatutan dan munasabah. Sejujurnya, kualiti barangan keluaran tempatan sudah setanding dengan kualiti barangan import. Jadi yakinlah TPPA dapat membantu negara memasarkan barangan di pasaran yang jauh lebih besar berbanding dengan pasaran di dalam negara sahaja. Sebagai sebuah negara yang kecil seperti Malaysia, kita memerlukan pasaran yang lebih besar dan bebas. Contohnya Petronas, peratusan perolehan pendapatan yang dijanakan daripada sumber di luar negara lebih besar berbanding dengan sumber di dalam negara. Oleh sebab itu, saya yakin perjanjian TPPA ini dapat membantu negara.

Apakah harapan YB Dato' Seri terhadap pengguna di negara ini?

Konsep kepenggunaan ini bertujuan untuk mendidik pengguna agar memahami tanggung jawab dan hak mereka. Pertama, pengguna perlu bijak bagi menentukan barangan yang akan dibeli dan pada masa yang sama juga, dapat membantu peniaga. Kedua, pengguna mesti tahu menilai kualiti sesuatu barangan, sama ada tulin atau tiruan dan terpulang kepada pengguna untuk membeli atau sebaliknya. Oleh hal yang demikian, saya suka menggunakan istilah harga patut berbanding dengan harga murah. Konsep kepenggunaan ini mendidik kita bergantung antara satu sama lain supaya ekonomi domestik tumbuh dengan positif, peniaga mendapat keuntungan dan pengguna tahu menggunakan hak mereka sebagai pembeli. ●